


NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation

MENCIPTA STANDARD, MEMBINA LEGASI

Oktober 2026 | eISSN : 3093-6543

Industry Nexus @UiTMCNS 1.0: Pemerkasaan Kesediaan Kerjaya Pelajar Melalui Jaringan Industri dan Perkongsian Profesional

Siti Aida Lamat[1], Sharina Salmi Azmi[2], Nurul Ardini Ahmad Sallehein[1], Ummi Kalthum Mokhtar[1], Noor Hidayah Mohd Razali[3], Muhammad Aidil Ibrahim[4]

[1]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Negeri Sembilan, Darul Khusus, Malaysia.
[2]Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Negeri Sembilan, Darul Khusus, Malaysia
[3]Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Negeri Sembilan, Darul Khusus, Malaysia
[4]Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Negeri Sembilan, Darul Khusus, Malaysia

sitiaida@uitm.edu.my

Abstrak

Program *Industry Nexus @UiTMCNS* 1.0 merupakan inisiatif berimpak tinggi yang dirangka bagi meningkatkan tahap kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini memberi fokus kepada pembinaan jaringan industri, pendedahan kerjaya, serta pemerkasaan kemahiran insaniah pelajar melalui sesi temuduga terbuka, perkongsian industri, seminar profesional dan penglibatan alumni. Artikel ini membincangkan pelaksanaan program selama dua hari, kandungan utama yang dilaksanakan, serta impaknya terhadap pembangunan pelajar dari aspek kebolehpasaran, keyakinan diri dan literasi kerjaya.

Pengenalan

Perubahan dinamik dalam pasaran kerja masa kini menuntut graduan untuk memiliki bukan sahaja kelayakan akademik, tetapi juga kemahiran insaniah, pengalaman industri dan jaringan profesional yang kukuh. Menyedari keperluan tersebut, Program Industry Nexus @UiTMCNS 1.0 telah dilaksanakan pada 8–9 Oktober 2025 bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban. Program ini menghimpunkan pelajar daripada Kampus Seremban, Kampus Kuala Pilah dan Kampus Rembau, sekali gus menjadikannya platform perkongsian merentas fakulti dan kampus. Program ini juga merupakan julung kalinya diadakan bagi membantu dan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang realiti dunia pekerjaan, keperluan industri serta persediaan memasuki pasaran kerjaya secara lebih sistematik dan berstruktur. Penganjuran program ini juga merupakan usaha strategik UiTM dalam memperkasa agenda kebolehpasaran graduan selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Sesi 2024/2025. Kolaborasi pelbagai pihak ini mencerminkan kesepaduan antara pengurusan universiti, pelajar, agensi industri dan alumni dalam membangunkan ekosistem pendidikan yang holistik, seimbang serta relevan dengan keperluan industri semasa. Pelaksanaan program ini diketuai oleh Dr. Muhammad Aidil Ibrahim bersama lantikan rasmi ahli jawatankuasa yang terdiri daripada barisan staf akademik dan staf pentadbiran daripada pelbagai fakulti dan jabatan. Struktur organisasi ini memastikan setiap komponen program dapat dirancang dan dilaksanakan secara teratur, sistematik serta berfokus kepada keperluan pelajar.

Pelaksanaan Hari Pertama: Temuduga Terbuka dan Sesi Perkongsian Industri

Hari pertama program telah dimulakan dengan pelaksanaan sesi temuduga terbuka yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Tingkat 2 Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Sebanyak empat booth majikan telah mengambil bahagian dengan menawarkan peluang pekerjaan dan latihan industri merangkumi bidang sports officer, pentadbiran serta jawatan umum (general positions). Pelaksanaan sesi temuduga ini bukan sahaja membuka ruang kepada pelajar untuk memohon peluang kerjaya dan latihan industri, malah memberi nilai tambah melalui interaksi langsung bersama wakil industri. Melalui kaedah ini, pelajar berpeluang memahami kehendak pasaran kerja sebenar, termasuk keperluan kemahiran teknikal dan insaniah, etika kerja serta tahap kompetensi yang diutamakan oleh pihak majikan. Sepanjang proses ini, pihak PERKESO turut memainkan peranan penting dengan menyediakan sokongan berkaitan kesedaran keselamatan sosial dan perlindungan pekerjaan dalam kalangan pelajar yang bakal memasuki alam pekerjaan.

Seterusnya, Sesi Bersama PERKESO telah berlangsung dari 10.00 pagi hingga 11.00 pagi yang disampaikan oleh Encik Muhammad Ariff Naquib bin Mohamad Junaidi dari PERKESO Negeri Sembilan. Perkongsian ini memberi penerangan komprehensif berkaitan fungsi PERKESO dalam melindungi tenaga kerja negara, termasuklah skim keselamatan sosial, insurans pekerjaan, perlindungan semasa kehilangan pekerjaan serta akses kepada program sokongan kerjaya. Penjelasan ini amat signifikan bagi graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan kerana ia meningkatkan kesedaran tentang hak perlindungan sosial, keselamatan ekonomi dan kesejahteraan kerjaya dalam jangka masa panjang. Selain itu, PERKESO turut melaksanakan pendaftaran profiling pencari kerja, iaitu proses pengumpulan maklumat asas pelajar merangkumi kelayakan akademik, bidang kepakaran, pengalaman, kemahiran serta status pencarian kerja. Data profiling ini bertujuan menyokong pelajar yang berdaftar di bawah inisiatif sokongan pasaran buruh PERKESO, di samping membantu memadankan (*job matching*) graduan dengan peluang pekerjaan yang bersesuaian. Bagi memudahkan pelaksanaan proses ini, para pelajar turut diminta melengkapkan pendaftaran secara praktikal dan bersemuka semasa program berlangsung. Pendekatan ini membolehkan pelajar memahami tatacara pendaftaran dengan lebih sistematik, di samping memastikan rekod pekerjaan mereka wujud dalam sistem PERKESO bagi tujuan rujukan, bantuan intervensi pasaran buruh dan perlindungan sosial pada masa hadapan. Usaha ini secara tidak langsung memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai kepentingan keselamatan sosial dan sokongan kebajikan pekerjaan sebagai persediaan sebelum mereka memasuki pasaran kerja secara formal.

Program diteruskan dengan Slot Industri Tabung Haji (11.00–11.45 pagi) yang dikendalikan oleh Puan Siti Noor Naimmah binti Salim, Pengurus Tabung Haji Cawangan Rembau. Perkongsian ini memberi pendedahan menyeluruh kepada para pelajar mengenai peluang kerjaya dalam sektor kewangan Islam, khususnya dalam institusi perbankan patuh Syariah yang memainkan peranan penting dalam kesejahteraan sosioekonomi ummah. Selain memperkenalkan bidang fungsi seperti pengurusan kewangan, operasi cawangan, perkhidmatan pelanggan dan pengurusan haji, sesi ini turut menekankan kepentingan etika profesional, integriti dan amanah sebagai nilai teras yang perlu diterapkan dalam organisasi berorientasikan syariah. Dalam sesi yang sama, para pelajar turut diingatkan tentang kepentingan merancang dan menguruskan simpanan kewangan secara berhemah sejak di peringkat pengajian lagi, termasuk kesedaran untuk mendaftar haji lebih awal bagi memastikan kelancaran urusan pelaksanaan ibadah tersebut pada masa hadapan. Mereka juga diberi penerangan mengenai manfaat sistem simpanan Tabung Haji yang menawarkan instrumen simpanan patuh Syariah, perlindungan modal, potensi agihan keuntungan serta kemudahan urusan ibadah haji. Pendedahan ini bukan sahaja membentuk literasi kewangan Islam dalam kalangan pelajar, malah membuka ruang pemahaman yang lebih luas tentang potensi kerjaya dan pembangunan profesional dalam industri Tabung Haji yang selari dengan prinsip syariah, nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosial.

Pada 11.45 pagi hingga 12.30 tengah hari, program diteruskan dengan Slot Industri MCMC yang dikendalikan oleh Puan Ema Shuaida, Ketua Seksyen Pembangunan MCMC Negeri Sembilan bersama beberapa orang pegawai. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merupakan badan pengawal selia utama sektor komunikasi dan multimedia negara yang bertanggungjawab memastikan pembangunan infrastruktur telekomunikasi, kawal selia penyiaran, keselamatan rangkaian serta kestabilan ekosistem digital negara berada pada tahap optimum. Perkongsian ini memberi gambaran menyeluruh mengenai peranan strategik MCMC dalam menyokong agenda pendigitalan negara, termasuk pembangunan ekonomi digital, keselamatan siber asas, kesedaran literasi media serta pengukuhan capaian komunikasi yang inklusif kepada masyarakat. Melalui sesi ini, para pelajar turut didedahkan kepada keperluan tenaga kerja berkemahiran dalam sektor komunikasi dan multimedia, merangkumi bidang seperti dasar komunikasi, pengurusan rangkaian, keselamatan maklumat, analitik data digital, pembangunan kandungan media serta penguatkuasaan pematuhan industri. Pendedahan ini membolehkan pelajar memahami bahawa kemahiran teknologi, komunikasi, pemikiran analitikal dan literasi digital merupakan elemen penting dalam pasaran kerja masa kini yang semakin berasaskan data dan teknologi. Secara tidak langsung, sesi ini membantu pelajar melihat hubungan antara bidang pengajian dengan peluang kerjaya dalam industri telekomunikasi dan ekonomi digital, selain meningkatkan kesedaran tentang peranan MCMC dalam melindungi kepentingan pengguna, merancakkan pembangunan industri dan menyokong kesejahteraan digital negara.

Sepanjang hari pertama, kelancaran program turut disokong oleh barisan emcee, pasukan teknikal, jawatankuasa logistik dan pemberi cenderamata yang terdiri daripada pensyarah serta ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Penglibatan aktif pelajar sebagai barisan kepimpinan ini membuktikan bahawa program tersebut bukan sahaja memberi manfaat dari sudut pendedahan kerjaya dan akademik, malah berfungsi sebagai platform latihan kepimpinan, pengurusan acara dan komunikasi profesional. Program ini turut disertai oleh pelajar daripada pelbagai fakulti, khususnya Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, serta fakulti-fakulti lain di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Penyertaan merentas fakulti ini memperkayakan lagi dinamika program melalui perkongsian pengalaman, perspektif dan latar belakang pengajian yang pelbagai. Melalui penglibatan langsung dalam aktiviti pengurusan dan penyertaan program, para pelajar berpeluang mempraktikkan kemahiran organisasi, koordinasi, kepimpinan dan penyelesaian masalah secara *hands-on*. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program pada hari pertama berjalan dengan lancar dan teratur, selain menerima maklum balas positif daripada peserta dan rakan industri yang terlibat. Kejayaan hari pertama ini menjadi asas penting kepada kelangsungan program pada hari berikutnya, sekali gus mengukuhkan komitmen universiti dalam menyediakan ekosistem pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) yang holistik, relevan dan menyokong keperluan industri semasa.

Hari Kedua: Sesi Inspirasi Kepimpinan dan Perkongsian Alumni

Hari kedua dimulakan dengan sesi inspirasi bertajuk "*Dare to Dream: Chat with* CEO Aireen Omar" yang berlangsung dari 10.00 pagi hingga 11.00 pagi. Sesi ini menampilkan Cik Aireen Omar sebagai ahli CEO@Faculty Programme untuk UiTM di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, peneraju terkemuka dalam industri penerbangan dan teknologi kewangan yang kini memegang peranan kepimpinan dalam *BigPay* dan *BigRewards*. Beliau merupakan tokoh korporat wanita yang berpengalaman luas, pernah memegang beberapa jawatan strategik dalam kumpulan AirAsia dan memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem digital syarikat tersebut. Kepakaran beliau dalam bidang pengurusan strategik, inovasi digital dan transformasi perniagaan menjadikan sesi ini amat signifikan sebagai sumber inspirasi kepada para pelajar.

Dalam perkongsian tersebut, beliau berkongsi tentang perjalanan kerjaya, cabaran kepimpinan dalam industri digital, serta keperluan mengadaptasi inovasi dan teknologi dalam persekitaran kerja masa kini. Para pelajar turut didedahkan kepada realiti dunia korporat, termasuk kepentingan daya tahan, fleksibiliti, keberanian mengambil risiko yang beretika serta nilai integriti sebagai asas pembinaan kerjaya yang mampan. Sesi ini turut dikendalikan dengan teratur oleh emcee dan moderator daripada kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama tenaga pengajar, sekali gus mewujudkan suasana dialog profesional dan interaktif. Secara keseluruhannya, sesi ini bukan sahaja memberi suntikan motivasi, malah memperluas horizon pemikiran pelajar tentang potensi kerjaya dalam sektor digital dan teknologi kewangan pada peringkat nasional serta global.

Program kemudian diteruskan dengan aktiviti "Leadership Peptalk bersama CEO Cik Aireen Omar" yang berlangsung dari 11.15 pagi hingga 12.15 tengah hari. Sesi ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan dan pengukuhan potensi kepimpinan pelajar, terutamanya dalam kalangan barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai bakal pemimpin masa hadapan. Melalui sesi ini, Cik Aireen Omar berkongsi pandangan tentang kepentingan gaya kepimpinan berwibawa, keupayaan membuat keputusan secara strategik, kebolehsuaian (*adaptability*) dalam persekitaran kerja yang dinamik serta keperluan membina jati diri dan etika profesional yang kukuh. Beliau turut menekankan bahawa pemimpin organisasi perlu berupaya mengurus perubahan, memupuk budaya kerja berpasukan serta memimpin melalui teladan berasaskan integriti dan rasa tanggungjawab sosial. Matlamat utama perkongsian ini adalah untuk memperkasa pemikiran kepimpinan pelajar MPP agar lebih bersedia mengaplikasikan kemahiran pengurusan organisasi, komunikasi berkesan, pengurusan konflik dan kemahiran membuat keputusan dalam konteks kampus serta dunia kerjaya selepas graduasi. Sepanjang sesi hari kedua, seramai 10 orang barisan MPP terlibat secara aktif dalam pengurusan acara, sekali gus mengukuhkan lagi pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*). Pendedahan langsung bersama tokoh korporat ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri pelajar, malah membantu membentuk kepimpinan berwawasan yang berpaksikan nilai profesionalisme, akauntabiliti dan keberkesanan organisasi.

Sesi Perkongsian Alumni dan Pengukuhan Jaringan Profesional

Pada sebelah petang, program diteruskan dengan Sesi Perkongsian Alumni UiTM yang menampilkan tiga orang alumni BigPay, iaitu Encik Arif bin Alias (Senior Manager for Payments, Remittances and Operations) bagi sesi 2.00–3.00 petang, diikuti oleh Ms. Nurul Afiqah Jamaluddin (Head of People) serta Pn. Nur Syaza Abu Bakar bagi sesi 3.00–4.00 petang. Perkongsian ini membuka ruang kepada pelajar untuk memahami realiti dunia pekerjaan melalui pengalaman sebenar alumni yang kini berkhidmat dalam industri teknologi kewangan (*fintech*). Secara keseluruhannya, sesi ini memberi tumpuan kepada etika kerja, pembinaan reputasi profesional, teknik menghadapi cabaran organisasi, disiplin pengurusan diri, serta kepentingan jaringan profesional dalam membina kerjaya yang mampan. Dalam masa yang sama, Pn. Nur Syaza Abu Bakar turut berkongsi secara khusus mengenai teknik penghasilan resume yang berkesan dan menarik minat pihak industri. Beliau menerangkan elemen yang perlu diberi penekanan dalam resume serta turut menunjukkan contoh-contoh sebenar bagi membantu pelajar memahami penyediaan resume yang profesional dan kompetitif. Matlamat utama sesi ini adalah untuk memperlihatkan perspektif kerjaya daripada beberapa bidang fungsi yang berbeza, termasuk operasi perkhidmatan kewangan dan pengurusan sumber manusia. Melalui pendedahan ini, pelajar dapat memahami bahawa kejayaan kerjaya bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan teknikal, tetapi turut dipengaruhi oleh kemahiran insaniah seperti komunikasi, kolaborasi, kebolehsuaian serta keupayaan bekerja dalam persekitaran berprestasi tinggi. Para pelajar juga didorong untuk mengaplikasikan nilai profesionalisme, integriti, ketekunan serta pembelajaran sepanjang hayat sebagai teras kecemerlangan kerjaya.

Secara tidak langsung, sesi alumni ini menjadi medium penting untuk menghubungkan pelajar dengan ekosistem industri sebenar, selain mengukuhkan hubungan strategik antara universiti dan alumni sebagai rakan profesional yang signifikan.

Kesimpulan dan Implikasi Program

Secara keseluruhannya, Program Industry Nexus @UiTMCNS 1.0 telah berjaya mencapai objektif penganjurannya sebagai platform strategik yang menghubungkan dunia akademik dengan industri. Sepanjang dua hari pelaksanaannya, pelbagai aktiviti seperti temuduga terbuka, sesi perkongsian industri, bengkel kepimpinan dan dialog bersama alumni telah dilaksanakan secara sistematik bagi menyokong usaha memperkasa kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar. Implikasi daripada penganjuran program ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja memperoleh maklumat kerjaya dan bimbingan profesional, malah diberi peluang membina keyakinan diri, mengasah kemahiran komunikasi serta memperluas jaringan industri melalui interaksi langsung bersama rakan industri, agensi kerajaan dan tokoh korporat. Menariknya, program ini turut menerima maklum balas yang positif daripada para pelajar serta pihak berkepentingan, yang menyifatkannya sebagai platform bermanfaat, relevan dan berimpak tinggi terhadap pembangunan profesional pelajar. Kejayaan penganjuran ini turut didokong oleh kerjasama kukuh antara pihak pengurusan universiti, industri, alumni serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang memastikan setiap komponen program dilaksanakan secara teratur dan berfokus.

Secara tidak langsung, program ini telah memenuhi matlamat penganjuran yang menekankan pendedahan kerjaya, pembangunan sahsiah profesional, literasi industri dan pengukuhan jaringan strategik dalam kalangan pelajar UiTM. Diharapkan agar pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional yang diperoleh sepanjang program ini dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam pengajian, latihan industri dan alam pekerjaan kelak. Justeru, adalah menjadi harapan agar program ini dapat diteruskan secara berterusan pada masa akan datang melalui penganjuran Industry Nexus @UiTMCNS 2.0 dengan penglibatan lebih luas daripada pelbagai sektor industri. Usaha berterusan dalam membina ekosistem pendidikan berteraskan jaringan industri diyakini mampu melahirkan graduan UiTM yang holistik, berdaya saing, kompeten serta bersedia menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara.



Gambar 1: Poster Program Industry Nexus@UiTMCNS 1.0



Gambar 2: Poster *MyFuture Jobs* Graduate Career Day



Gambar 3: Sesi perkongsian bersama penceramah jemputan



Gambar 4: Sesi perkongsian bersama penceramah jemputan



Gambar 5: Penolong Rektor Kampus Rembau bersama dengan Cik Aireen selepas selesai sesi perkongsian



Gambar 6: Cik Aireen semasa sesi perkongsian bersama barisan MPP



Gambar 7: Cik Aireen selepas selesai sesi perkongsian bersama barisan MPP

Rujukan

1. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2024). Laporan kebolehpasaran graduan 2023/2024. Kajian Pengesanan Graduan. https://ge.mohe.gov.my/CarianGraduateEmployability.aspx
2. Lembaga Tabung Haji. (2024). Annual report 2024. Lembaga Tabung Haji. https://www.tabunghaji.gov.my/en/corporate/archives/th-annual-report
3. Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2024). Annual report 2023. Malaysian Communications and Multimedia Commission. https://www.komunikasi.gov.my/en/media-kkd/penerbitan/laporan-tahunan?utm
4. Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2024). Digital economy and communications landscape report. Cyberjaya: MCMC.
5. Ministry of Higher Education Malaysia. (2024). Graduate employability report. Putrajaya: MOHE.https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/lkpg/2024-5?utm
6. PERKESO. (2025). Employment Insurance System (EIS). Social Security Organisation. https://www.perkeso.gov.my/en/our-services/protection/employment-insurance.html
7. Universiti Teknologi MARA. (2025). UiTM Graduate Employability Framework. UiTM Press.